

07 DEC 1998

MAHATHIR-KELULI

TAMBAH PENGGUNAAN KELULI DALAM PEMBINAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mahu penggunaan keluli dalam industri pembinaan dan fabrikasi ditingkatkan bagi mewujudkan permintaan domestik dan untuk mengurangkan kos.

Katanya, dengan meningkatkan penggunaan keluli, Malaysia boleh mempunyai industri keluli yang berdaya maju, yang menjadi ukuran industrilisasi negara.

Bagaimanapun, pengusaha industri pembinaan lebih banyak menggunakan konkrit dan akibatnya, pertambahan pengeluaran simen sebagai bahan mentah untuk konkrit selalunya mencacat dan memusnahkan bukit-bukit batu kapur yang cantik di Malaysia, katanya pada perasmian Konvensyen Persatuan Keluli Struktur Malaysia 1998, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir juga menggesa pengusaha sektor pembinaan untuk mengambil kesempatan daripada "hentian paksaan" bagi mengkaji semula industri berkenaan.

Beliau berkata bahawa industri pembinaan telah terhenti secara menyeluruh berikutan dasar-dasar umpama dasar Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) yang diguna pakai pihak berkuasa kewangan sebelum ini dalam kerajaan.

Dr Mahathir juga berkata bahawa pengusaha industri pembinaan perlu mencari jalan meningkatkan keberkesanan dan menjimatkan kos.

"Anggapan bahawa sebahagian besar kerja perlu dibuat di tapak binaan sudah ketinggalan zaman. Kita perlu menghasilkan komponen bangunan di kilang-kilang, menggunakan lebih banyak automasi dan peralatan jitu. Komponen-komponen itu kemudiannya boleh diangkut untuk dipasang di tapak binaan," katanya.

Untuk maju dalam industri pembinaan, beliau berkata bahawa Malaysia perlu mencipta teknologi baru yang mengurangkan keperluan tenaga kerja tidak mahir di tapak binaan.

Katanya, pekerja mahir boleh dilatih dari kalangan tenaga kerja tempatan dan mereka perlu dibayar gaji yang lumayan.

Dr Mahathir berkata bahawa akibat kemelesetan ekonomi, Malaysia dibebankan dengan ribuan pekerja asing yang tidak mahir dan teknik pembinaan yang usang.

"Kita menanggung kerugian yang besar kerana pembaziran yang tinggi, produktiviti yang rendah, penggunaan buruh yang banyak, tempoh penyerahan yang panjang, hasil kerja yang tidak memuaskan dan kerap kali, barangan bermutu rendah," katanya.

Beliau berkata bahawa Malaysia tidak mampu untuk mempunyai pekerja warga negara asing memandangkan 13 peratus atau 1.14 juta daripada tenaga kerja kini adalah terdiri daripada pendatang asing yang sah.

Jika sejumlah 800,000 pendatang tanpa izin (termasuk 400,000 tanggungan mereka) diambil kira, maka terdapat kira-kira 2.3 juta pekerja asing di Malaysia.

Walaupun mereka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kita, kos sosial dan kewangan adalah terlalu tinggi, tambahnya.

Dr Mahathir berkata kerajaan kini mahu menghidupkan semula sektor pembinaan tetapi sumbangan sektor itu kepada pemulihan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya dapat dilihat tahun depan.

Beliau juga berkata bahawa komponen keluli untuk bangunan harus

dibentuk terlebih dahulu dan dibuat di kilang-kilang di luar tapak binaan.
-- BERNAMA
AD MFJ